

Motivasi Untuk Rawatan Pemulihan Dan Efikasi Diri Dalam Kalangan Pelatih *Cure & Care Service Centre*.

Oleh

Madiah Mohamad Shukri, PhD
Ruhani Mat Min, PhD
Siti Salina Abdullah, PhD
Rabaaton Adawiah Mohd Yusoff, PhD
Zuhda Husain, PhD

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu

Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peramal yang signifikan terhadap motivasi rawatan dan efikasi diri untuk tidak terlibat dengan dadah. Seramai 103 penghuni residen (53.4 %; n = 55) dan bukan residen (47.6%; n= 47) di 4 buah CCSC mengisi soal selidik berkaitan dengan motivasi rawatan dan efikasi diri untuk menjauhi dadah. Hasil analisis model regresi menunjukkan bahawa motivasi yang tinggi untuk mendapatkan rawatan adalah dalam kalangan penghuni residen dan dikaitkan tempoh penglibatan di CCSC yang lebih panjang. Seterusnya, tempoh tidak terlibat dengan dadah yang lebih panjang mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi diri yang tinggi untuk menjauhi dadah. Dapatan kajian ini juga mengenal situasi yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan seseorang kembali menagih. Antara faktor-faktor risiko yang telah dikenalpasti ialah terjumpa dadah, terjumpa rakan-rakan penagih dan di pelawa untuk menggunakan dadah dan terjumpa dengan sesuatu yang mengingatkan responden kepada dadah dan terlibat dengan peristiwa-peristiwa yang boleh menimbulkan emosi-emosi negatif. Hasil kajian ini diharap dapat menyediakan garis panduan asas kepada pendekatan klinikal berkaitan tentang kepentingan penilaian tahap motivasi rawatan dan tahap efikasi diri dalam kalangan penghuni CCSC. Penilaian tersebut diharap dapat membantu prognosis kejayaan rawatan dan penilaian keberkesanan rawatan.